



KENYATAAN MEDIA

PERKESO RUN & RIDE 2022 KEMBALI LAGI, LEBIH 3,000 PESERTA SAHUT CABARAN LARIAN DAN BERBASIKAL

KUALA LUMPUR – Setelah lebih dua tahun ditangguhkan akibat penularan COVID-19, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) kembali menganjurkan **PERKESO Run & Ride 2022**, hari ini. Bertempat di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), acara tahunan ini berjaya menarik minat lebih **3,000 peserta** untuk menyertai acara larian dan kayuhan basikal, bermula dari pukul **7 hingga 10 pagi**.

Program dengan kerjasama **DBKL** yang diadakan bersempena dengan **KL Car Free Morning** ini bermatlamat untuk menggalak dan menyuburkan lagi pembudayaan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan Keluarga Malaysia, khususnya golongan pekerja. Di samping itu, program yang mula diperkenalkan pada **2015** ini merupakan antara sebahagian daripada aktiviti pencegahan dan promosi kesihatan pekerja yang dianjurkan PERKESO, selain daripada aktiviti pemakanan sihat, pengurusan berat badan, saringan kesihatan, berhenti merokok dan penjagaan kesihatan mental.

Sebanyak **dua (2)** kategori dipertandingkan iaitu acara larian '**Fun Run**' dan acara berbasikal '**Fun Ride**', masing-masing sejauh **7 kilometer** yang bermula dan berakhir di depan Menara DBKL, Jalan Raja Laut. Penyertaan edisi PERKESO Run & Ride 2022 yang dibuka selama sebulan dari **1 Ogos hingga 2 September** lalu juga menerima sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai, di mana seramai **2,813** peserta mendaftar bagi acara larian dan **336** peserta lain untuk acara berbasikal.

Datuk Seri M. Saravanan, Menteri Sumber Manusia, yang diwakili oleh **Dato' Sri Subahan Kamal, Pengerusi Lembaga PERKESO** telah merasmikan **PERKESO Run & Ride 2022**. Turut hadir menyerikan majlis ialah **Datuk Seri Hj. Mahadi Che Ngah, Datuk Bandar Kuala**

Lumpur dan Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohamed, Ketua Eksekutif PERKESO.

Bersempena dengan program ini juga, PERKESO turut menyampaikan anugerah kepada majikan dan pekerja yang memenangi pertandingan **Activ@Work Challenge 2022**, iaitu pertandingan berbentuk cabaran bergiat aktif di tempat kerja. Pertandingan yang berlangsung selama **tiga (3) bulan** dari **Julai hingga September 2022** memberikan penghargaan kepada majikan dan pekerja paling aktif sepanjang cabaran tersebut berlangsung. Pemenang dipilih berdasarkan saiz syarikat, di mana bagi kategori pekerja, pemenang dipecahkan kepada **empat (4)** sub-kategori iaitu **Amethyst** (syarikat mikro), **Sapphire** (kecil), **Emerald** (sederhana) dan **Ruby** (besar). Sementara itu, bagi majikan pula, pemenang adalah daripada **tiga (3)** sub-kategori iaitu **Sapphire** (kecil), **Emerald** (sederhana) dan **Ruby** (besar).

Selain itu, PERKESO turut menganjurkan pelbagai aktiviti menarik lain di PERKESO Run & Ride 2022 ini. Antaranya, acara cabutan bertuah dengan **20** hadiah utama menanti pemenang seperti motosikal, basikal, skuter elektrik dan jam tangan pintar serta aktiviti lain termasuk pameran yang menampilkan pelbagai aktiviti menarik daripada PERKESO, portal perkhidmatan pekerjaan MYFutureJobs, juga pelbagai agensi lain yang turut serta.

Sebagai peneraju perlindungan keselamatan sosial di negara ini, PERKESO percaya bahawa perlindungan sosial yang terbaik bermula daripada pekerja yang sihat dan cergas. Sehubungan itu, sokongan kuat dan berterusan daripada golongan majikan dan pekerja untuk menyertai program-program pencegahan dan promosi kesihatan pekerja oleh PERKESO amatlah diharapkan pada masa akan datang bagi menjayakan objektif meningkatkan kesejahteraan dan kualiti hidup golongan pekerja di Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

16 Oktober 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.